

Hubungan Tingkah Laku Impulsif dan Kawalan Kendiri dengan Tingkah Laku Keganasan dalam Kalangan Bekas Banduan

The Relationship between Impulsive Behavior and Self-Control with Violent Behavior among Former Prisoners

MOHD SUHAIMI MOHAMAD*, NAJWA AFIQA ROSHAIZAD
& MOHAMAD RAHIM KAMALUDDIN

Received: 29 July 2024 /Accepted: 21 January 2025

ABSTRAK

Isu bekas banduan sering diperdebatkan dan dikaitkan dengan tingkah laku impulsif, kawalan sendiri yang rendah serta meningkatkan kecenderungan tingkah laku agresif dan keganasan. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tingkah laku impulsif, kawalan sendiri dan tingkah laku keganasan dalam kalangan bekas banduan. Kajian ini menggunakan rekabentuk kuantitatif melalui pendekatan tinjauan. Pengumpulan data kajian menggunakan satu set borang soal selidik yang mengandungi tiga instrumen kajian iaitu Impulsive Behaviour Short Scale-8, Measures of Criminal Attitudes and Associates dan Self Control Scale Malay Version. Kesemua data dimasukkan ke dalam persisian SPSS versi 27 dan dianalisis secara deskriptif serta inferensi. Hasil kajian mendapati bahawa skor min bagi sub-skala kesegeraan adalah yang tertinggi dalam skala tingkah laku impulsif, dan skor sub-skala keganasan adalah yang terendah dalam skala mengukur tingkah laku jenayah. Manakala sub-skala impulsiviti mempunyai skor min tertinggi dalam skala kawalan sendiri. Ujian pekali korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara tingkah laku impulsif, kawalan sendiri dan tingkah laku keganasan. Implikasi kajian ini penting bagi mengenal pasti faktor-faktor impulsiviti dan kawalan diri yang rendah serta merangka intervensi dalam profesion menolong bagi mengurangkan risiko tingkah laku keganasan. Hal ini sekaligus dapat meningkatkan usaha dan strategi dalam mengurangkan residivisme dan menyokong pengintegrasian semula bekas banduan ke dalam masyarakat.

Kata kunci: impulsif; kawalan sendiri; keganasan; tingkah laku jenayah; bekas banduan

ABSTRACT

The issue of former prisoners is often debated and linked to impulsive behavior, low self-control, and increased tendencies for aggressive and violent behavior. This article aims to identify the relationship between impulsive behavior, self-control, and violent behavior among former prisoners. A quantitative research design is employed in this study through a survey approach. Data collection was carried out using a set of questionnaires that include three research instruments: the Impulsive Behaviour Short Scale-8, Measures of Criminal Attitudes and Associates, and the Self Control Scale Malay Version. All data were analyzed descriptively and inferentially using SPSS version 27. The study's findings indicate that the mean score for the urgency sub-scale is the highest in the impulsive behavior scale, while the violence sub-scale has the lowest score in the criminal behavior scale. Additionally, the impulsivity sub-scale has the highest mean score in the self-control scale. Based on Pearson correlation coefficient tests, significant positive relationships were found between impulsive behavior, self-control, and violent behavior. The implications of this study are important for identifying factors of impulsivity and low self-control and designing interventions in helping profesion to reduce the risk of violent behavior. This, in turn, can enhance efforts and strategies to reduce recidivism and support the reintegration of former prisoners into society.

Keywords: Impulsive; self-control; violence; criminal behaviour; ex-prisoner

PENGENALAN

Tingkah laku impulsif dan keganasan merupakan dua fenomena yang sering dikaitkan dengan bekas banduan. Tingkah laku impulsif adalah keadaan di mana individu cenderung untuk bertindak secara melulu serta tidak berfikir, dan hal ini selalunya akan mendorong kepada tingkah laku berisiko seperti tingkah laku agresif dan keganasan serta pembuatan keputusan yang salah (Thomas, Nathan & Finkel 2012). Salah satu faktor utama yang mempengaruhi kedua-dua jenis tingkah laku ini adalah kawalan sendiri yang rendah. Kawalan sendiri pula merujuk kepada kemampuan individu untuk mengawal dorongan, emosi, dan tingkah laku mereka dalam situasi tertentu (Gottfredson & Hirschi 2020). Ianya melibatkan proses kognitif dan emosi yang membolehkan individu untuk menahan dorongan sementara, mengelakkan tingkah laku yang tidak sesuai dan membuat keputusan yang berorientasikan matlamat jangka panjang (Billore, Anisimova & Vrontis 2023). Tingkah laku impulsif ini adalah merupakan salah satu mekanisme adaptif yang diperlukan semasa zaman dahulu bagi tujuan kelangsungan hidup tetapi kehidupan moden pula memerlukan individu untuk mengawal impuls agresif yang boleh menyebabkan kemarahan (Thomas, Nathan & Finkel 2012). Maka, kawalan sendiri adalah penting dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk dalam mengelakkan tingkah laku yang berisiko seperti jenayah dan keganasan (Gottfredson & Hirschi 2020; Tharsini et al. 2018). Kemampuan ini membolehkan individu untuk berfikir sebelum bertindak, menilai akibat dari tindakan mereka, dan memilih tindakan yang lebih sesuai dan kurang berbahaya. Kawalan sendiri yang baik juga membantu dalam pengurusan emosi. Hal ini adalah penting dalam konteks bekas banduan bagi memastikan mereka dapat mengelakkan reaksi keganasan terhadap situasi yang menimbulkan tekanan, provokasi dan stigma masyarakat.

Kekurangan kawalan sendiri sering dikaitkan dengan peningkatan kecenderungan untuk terlibat dalam tingkah laku impulsif termasuk jenayah dan keganasan. Individu yang mempunyai kawalan sendiri yang rendah cenderung untuk bertindak secara impulsif tanpa mempertimbangkan akibat jangka panjang daripada tindakan mereka. Ini boleh menyebabkan mereka lebih mudah untuk terlibat dalam tingkah laku jenayah seperti mencuri, menipu, atau merompak. Gottfredson & Hirschi (2020) menekankan bahawa kawalan sendiri yang rendah adalah faktor utama menyumbang kepada tingkah laku jenayah. Mereka berhujah bahawa individu dengan kawalan sendiri yang rendah kurang mampu menahan godaan untuk memuaskan dorongan segera, walaupun tindakan tersebut mungkin menyalahi undang-undang atau berbahaya. Menurut Kamaluddin, Md Shariff & Saat (2013), individu yang mempunyai kawalan sendiri yang rendah lebih cenderung untuk melakukan jenayah seperti mencuri kerana dorongan untuk memiliki barang tersebut melebihi pertimbangan tentang kemungkinan untuk ditangkap dan dipenjarakan. Dalam konteks ini, kawalan sendiri yang rendah tidak hanya mempengaruhi keputusan individu secara peribadi tetapi juga mempunyai implikasi sosial yang lebih luas, kerana tingkah laku jenayah bukan sahaja merosakkan individu tetapi juga masyarakat secara keseluruhannya. Selain itu, faktor lain yang menyumbang kepada kawalan sendiri yang rendah adalah gaya keibubapaan, terdedah kepada rakan sebaya yang delinkuen, dan taraf sosioekonomi yang rendah. Faktor-faktor ini boleh mengganggu perkembangan kawalan sendiri sejak dari zaman kanak-kanak lagi. Oleh itu, pemahaman yang mendalam mengenai hubungan antara kawalan sendiri dan tingkah laku jenayah dapat membantu dalam merangka strategi pencegahan jenayah yang lebih berkesan, contohnya seperti program intervensi yang menumpukan kepada pembangunan kawalan sendiri sejak di usia muda.

Kehidupan bekas banduan juga sering tertekan akibat dikaitkan dengan tingkah laku keganasan (Sathoo et al. 2021). Tingkah laku ini sering kali tercetus akibat ketidakmampuan untuk mengawal emosi dan dorongan. Bekas banduan dengan kawalan sendiri yang rendah akan lebih mudah menjadi marah dan bertindak dengan keganasan sebagai respons terhadap provokasi atau tekanan. Alford et al. (2020) menyatakan bahawa tahap impulsif dianggap sebagai faktor risiko yang ketara untuk tingkah laku keganasan. Impulsiviti akan mengakibatkan individu bertindak balas secara cepat dan tanpa pertimbangan yang matang, menjadikan mereka lebih cenderung untuk menggunakan keganasan sebagai penyelesaian segera kepada konflik yang berlaku. Selain itu, pengurusan emosi yang baik adalah merupakan sebahagian daripada kawalan sendiri yang penting untuk mengelakkan tindakan keganasan. Kemampuan untuk mengendalikan emosi marah dan kecewa secara konstruktif dapat membantu individu membuat keputusan yang lebih rasional dan mengelakkan tindakan yang merugikan diri sendiri dan orang lain. Kajian Peckham & Johnson (2018) menunjukkan bahawa latihan dalam pengurusan emosi dan teknik relaksasi boleh meningkatkan kawalan sendiri dan mengurangkan kecenderungan untuk bertindak secara ganas. Dalam konteks intervensi pula, program yang menekankan kepada latihan kemahiran pengurusan emosi dalam meningkatkan kawalan sendiri juga memainkan peranan penting dalam pencegahan tingkah laku keganasan. Oleh itu, mengenal pasti hubungan antara kawalan sendiri, impulsiviti, dan tingkah laku keganasan adalah kunci untuk merangka strategi pencegahan yang efektif bagi menangani masalah keganasan dalam kalangan bekas banduan.

SOROTAN LITERATUR

Tingkah laku impulsif dan kawalan diri adalah faktor penting untuk dipertimbangkan semasa mengkaji tingkah laku keganasan dalam kalangan bekas banduan. Hubungan antara tingkah laku impulsif dan kawalan sendiri boleh menerangkan tentang mekanisme kecenderungan tingkah laku keganasan bekas banduan. Baia (2022) mendedahkan bahawa banduan yang ganas cenderung mempamerkan tahap keagresifan yang lebih tinggi berbanding dengan banduan tanpa kekerasan. Ini menunjukkan wujudnya hubungan antara keagresifan dan tingkah laku jenayah. Selain itu, impulsiviti juga dikatakan boleh mengakibatkan kecederaan pada diri sendiri dan memberikan kesan kepada banyak aspek kehidupan seperti pencapaian pendidikan, pekerjaan, penyesuaian sosial dan kesihatan mental serta kesihatan fizikal (Martin et al. 2019; Tharsini et al. 2018). Justeru, penting untuk memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada kecenderungan tingkah laku agresif dalam kalangan bekas banduan supaya intervensi yang spesifik dapat diambil bagi memastikan mereka berjaya berintegrasi dalam masyarakat dengan baik. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara personaliti, tindak balas kemarahan dan tingkah laku impulsif dalam kalangan banduan. Hasil kajian ini memberi gambaran bahawa pencetus afektif boleh membawa kepada tingkah laku impulsif dan berisiko yang dimanifestasi dalam diri sesetengah individu tertentu yang berlainan jantina (Jang 2019).

Felthous et al. (2009) menjalankan kajian terhadap keagresifan impulsif dalam kalangan pesakit mental dan mendapati bahawa tingkah laku agresif ini sering dikaitkan dengan profil psikologi yang kompleks dan pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang individu. Mereka menekankan kepentingan membezakan antara keagresifan impulsif yang biasanya berlaku secara tiba-tiba dan tanpa perancangan dan bentuk-bentuk keganasan lain yang mungkin lebih terancang dan mempunyai motif tertentu. Memahami perbezaan ini adalah penting kerana ia mempengaruhi pendekatan yang perlu diambil dalam menilai dan merawat individu yang menunjukkan tingkah laku agresif. Berdasarkan kajian oleh Felthous et al. (2009), terdapat

keperluan untuk alat ujian yang boleh dipercayai dan sah bagi menilai tingkah laku impulsif dalam individu yang menghadapi cabaran kesihatan mental termasuk bekas banduan supaya intervensi yang lebih tepat dan berkesan dapat diberikan.

Di samping itu, Lyons & Cantrell (2015) telah menjalankan kajian keberkesanan intervensi dalam mengurangkan tingkah laku keganasan dalam kalangan banduan dan mendapati bahawa pendekatan alternatif seperti program meditasi mempunyai potensi penting dalam menangani tingkah laku impulsif dan keganasan. Program meditasi yang melibatkan latihan kesedaran dan teknik relaksasi dapat membantu bekas banduan dalam meningkatkan pengawalan sendiri dan mengurangkan kecenderungan untuk bertindak secara ganas. Ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai intervensi alternatif yang boleh diaplikasikan oleh bekas banduan berbanding pendekatan tradisional yang lebih fokus kepada tujuan mendisiplinkan melalui kaedah hukuman. Tambahan pula, dengan mengkaji keberkesanan intervensi berasaskan latihan kesedaran dalam mengurangkan kecenderungan tingkah laku keganasan boleh memberikan panduan berharga tentang peranan pengawalan sendiri dan kawalan impulsiviti dalam menguruskan tingkah laku keganasan dalam kalangan bekas banduan. Kesedaran yang lebih tinggi tentang perasaan dan pemikiran sendiri boleh membantu seseorang individu untuk mengenal pasti pencetus kepada tingkah laku keganasan dan mengambil langkah-langkah pencegahan sebelum tingkah laku tersebut berlaku dengan lebih teruk. Intervensi berasaskan pengurusan emosi yang positif dapat dijadikan strategi daya tindak yang berkesan kepada bekas banduan bagi mengatasi tekanan dan ketegangan dengan cara yang lebih positif dan konstruktif (Tharshini et al. 2018). Oleh itu, kajian-kajian seperti ini bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman kita tentang keagresifan impulsif dan tingkah laku keganasan tetapi juga memberikan panduan praktikal untuk pembangunan program-program intervensi yang lebih berkesan dan manusiawi.

Selain itu, kajian Frigout, Degrenne & Delafontaine (2020) mengenai kesan latihan karate terhadap tingkah laku agresif banduan dalam penjara memberikan perspektif yang berbeza tentang hubungan antara aktiviti fizikal, keagresifan dan keganasan. Mereka meneliti sama ada latihan karate yang melibatkan aspek fizikal dan disiplin berupaya mempengaruhi tahap keagresifan banduan dan sekaligus dapat mencegah keganasan. Walaupun sesetengah penyelidik mencadangkan bahawa latihan karate boleh meningkatkan keagresifan dan keganasan kerana ia melibatkan unsur-unsur pertempuran dan kekerasan, Frigout, Degrenne & Delafontaine (2020) membuktikan bahawa tiada perbezaan yang ketara dalam tingkah laku agresif dan keganasan antara banduan yang terlibat dalam latihan karate dan banduan yang tidak terlibat dalam aktiviti tersebut. Ini menunjukkan bahawa latihan karate tidak semestinya meningkatkan keagresifan dan keganasan tetapi juga boleh membantu dalam pengawalan tingkah laku impulsif dan keganasan. Hasil penemuan kajian lepas ini membuktikan latihan fizikal seperti karate dapat mengajar individu untuk mengenal pasti dan mengawal tahap keagresifan yang sesuai semasa berhadapan dengan situasi tertentu. Situasi ini boleh diterjemahkan kepada pengawalan tingkah laku agresif dan keganasan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, keterlibatan bekas banduan dalam aktiviti fizikal secara sihat seperti karate boleh menjadi strategi kawalan tingkah laku yang berkesan dalam membantu mereka menguruskan tekanan dengan lebih baik dan mengajar mereka tentang disiplin, kawalan diri dan penilaian risiko terhadap setiap tindakan yang bakal dilakukan.


Memahami kepelbagaian intervensi dan aktiviti yang berbeza memberi kesan kepada tingkah laku impulsif dan agresif dalam kalangan bekas banduan adalah penting kepada ahli dalam profesion menolong. Pengetahuan ini membolehkan penyedia perkhidmatan menyesuaikan program pemulihan komuniti dengan lebih berkesan untuk menangani cabaran tingkah laku bekas banduan. Sebagai contoh, program yang menggabungkan aktiviti fizikal seperti karate dengan

komponen kesedaran dan pengurusan emosi boleh menawarkan pendekatan yang lebih holistik dalam pemulihan bekas banduan. Selain itu, pendekatan ini juga boleh membantu dalam mengurangkan kadar pengulangan jenayah atau residivism dengan memberikan bimbingan kepada bekas banduan untuk mengawal impulsiviti dan tingkah laku agresif mereka apabila berhadapan dengan situasi yang mencabar. Di samping itu, Arends et al. (2018) juga menekankan tentang keperluan untuk meneroka hubungan antara tingkah laku impulsif, kawalan diri dan status kesihatan dalam populasi penjara. Ini kerana dengan mengetahui bagaimana impulsiviti mempengaruhi tingkah laku mengambil risiko dan penularan penyakit dalam penjara, penyelidik boleh membina model intervensi yang disasarkan untuk menggalakkan pengawalan sendiri dan mengurangkan tingkah laku impulsif dan agresif dalam kalangan bekas banduan. Berdasarkan soroton literatur, interaksi antara tingkah laku impulsif, kawalan diri dan tingkah laku agresif dalam kalangan bekas banduan adalah fenomena yang agak kompleks dan memerlukan kajian yang lebih menyeluruh. Kawalan sendiri yang rendah dan impulsiviti yang tinggi boleh menyebabkan kitaran yang berterusan dalam tingkah laku berisiko dan pro aktiviti kriminal. Hal ini juga akan menyebabkan pengintegrasian semula bekas banduan kepada masyarakat menjadi lebih mencabar.

Justeru, artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang hubungan antara tingkah laku impulsif dan kawalan sendiri dengan tingkah laku keganasan bekas banduan. Kajian ini penting dalam membangunkan intervensi berasaskan bukti untuk menangani kecenderungan tingkah laku keganasan dan menggalakkan pengintegrasian semula bekas banduan dalam masyarakat. Kajian ini menggunakan teori kawalan sendiri terhadap jenayah yang dikembangkan oleh ahli kriminologi Travis Hirschi dan Michael Gottfredson (Hirschi & Gottfredson 1983). Teori kawalan sendiri ini menyatakan bahawa kekurangan kawalan sendiri adalah faktor utama di sebalik tingkah laku jenayah. Teori ini mencadangkan bahawa individu yang menerima peranan keibubapaan yang tidak berkesan sebelum usia sepuluh tahun sering kali mengembangkan tahap kawalan sendiri yang lebih rendah berbanding dengan mereka yang datang dari latar belakang keluarga yang lebih menyokong. Seiring dengan peningkatan usia, kawalan sendiri seseorang boleh meningkat akibat perubahan hormon, pengalaman sosial dan kesedaran yang lebih tinggi terhadap kesan tindakan mereka. Tingkah laku jenayah sering kali bersifat impulsif dan menunjukkan betapa mudahnya individu terpengaruh dengan keinginan yang segera. Bagi bekas banduan, teori ini sangat relevan kerana mereka berkemungkinan mempunyai kawalan sendiri yang rendah dan menjadikan mereka lebih cenderung untuk membuat keputusan impulsif dan mengulangi kesalahan. Memahami kepentingan kawalan sendiri boleh membantu usaha pemulihan untuk mendidik dan membimbing bekas banduan tentang cara menguruskan impuls mereka dan membuat pilihan yang lebih baik. Ini sekaligus dapat mengurangkan risiko mereka kembali kepada jenayah dan mencegah tingkah laku keganasan. Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini yang dibina berdasarkan teori dan ulasan literatur. Melalui rajah ini, dapat dilihat bahawa tingkah laku impulsif boleh menyebabkan tingkah laku keganasan berlaku. Namun begitu, ia juga bergantung kepada sejauh mana tahap kawalan sendiri bekas banduan itu sendiri. Bekas banduan yang mempunyai kawalan sendiri yang tinggi berkeupayaan mengekang dorongan impulsif yang boleh membawa kepada tingkah laku keganasan, manakala mereka yang mempunyai kawalan sendiri yang rendah lebih berisiko untuk bertindak secara agresif apabila berhadapan dengan situasi yang mencabar.

Dalam konteks ini, kajian ini juga menekankan kepentingan penyelidikan lanjut untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi kawalan sendiri dan tingkah laku impulsif dalam kalangan bekas banduan. Kajian yang lebih mendalam dapat memberikan panduan yang lebih tepat bagi pembangunan intervensi yang lebih efektif dan disesuaikan dengan keperluan individu. Oleh

itu, artikel ini bukan sahaja bertujuan untuk menambah pengetahuan sedia ada tetapi juga untuk mendorong pelaksanaan program-program pemulihan yang lebih berkesan dan berasaskan bukti dalam komuniti. Dengan kajian yang komprehensif dan intervensi yang berkesan boleh memberi implikasi yang positif bagi melihat penurunan dalam kadar residivisme dan peningkatan dalam pengintegrasian semula bekas banduan ke dalam masyarakat. Ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada individu tersebut tetapi juga kepada masyarakat keseluruhannya dengan mengurangkan kadar jenayah dan meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan komuniti.



RAJAH 1. Kerangka Konseptual Kajian

METODOLOGI

REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan dan keratan lintang. Kaedah tinjauan dipilih kerana ia melibatkan pelaksanaan kajian dalam persekitaran semulajadi dan situasi yang realistik (Gay, Mills & Airasian 2009). Pendekatan ini membolehkan penyelidik untuk mengumpul data dari responden dalam keadaan yang mirip dengan kehidupan sebenar agar hasil kajian adalah relevan serta sahih. Selain itu, kaedah tinjauan juga dikenali kerana keupayaannya untuk mendapatkan maklumbalas dengan cepat dari jumlah responden yang besar dalam satu-satu masa (Neuman 2015). Hal ini membolehkan penyelidik untuk mengumpulkan data secara efisien, menjimatkan masa dan mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai fenomena yang dikaji dalam kajian. Dengan menggabungkan kelebihan persekitaran semulajadi dan keupayaan mendapatkan maklumbalas yang cepat, kaedah tinjauan memberikan asas yang kukuh bagi menjalankan analisis statistik yang lebih teliti dan memperoleh pemahaman yang mendalam mengenai hubungan antara pembolehubah dalam kajian ini.

RESPONDEN DAN LOKASI KAJIAN

Responden kajian ini terdiri daripada bekas banduan yang telah dibebaskan dari penjara. Proses merekrut responden kajian dijalankan dengan bantuan Pegawai Parol di Lembah Klang. Lokasi di Lembah Klang dipilih berdasarkan statistik kadar jenayah yang tertinggi di Malaysia adalah direkodkan di Selangor dan Kuala Lumpur. Seramai 280 bekas banduan dipilih sebagai responden kajian melalui pensampelan rawak mudah. Antara kriteria pemilihan responden kajian adalah bekas banduan yang telah dibebaskan dari penjara sekurang-kurangnya enam bulan, boleh

berkomunikasi dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, tidak mempunyai masalah kesihatan mental yang boleh mengganggu proses pemahaman terhadap kajian. Selain itu, responden kajian hendaklah boleh memberikan persetujuan termaklum secara bertulis dengan pertolongan yang minima daripada pengkaji. Walau bagaimanapun, hanya 250 bekas banduan yang telah melengkapkan borang soal selidik yang diedarkan dan dianalisis dalam kajian ini, menjadikan kadar respon kajian adalah sebanyak 89.3 peratus. Sebanyak 30 borang soal selidik telah ditolak kerana responden tidak berjaya melengkapkan borang, menjawab secara melulu dengan meletakkan skor jawapan yang sama untuk semua bahagian dan terdapat juga responden yang menarik diri semasa kajian dijalankan.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik yang mengandungi tiga alat ujian dalam Bahasa Melayu. Alat ujian yang pertama ialah *Impulsive Behaviour Short Scale-8* oleh Groskurth et al. (2022) telah digunapakai dalam bahagian A soal selidik kajian ini. Bahagian ini mempunyai lapan item bagi mengukur empat aspek keperibadian yang membawa kepada tingkah laku impulsif iaitu kesegeraan, kurang pra meditasi, kurang ketabahan, dan mencari sensasi. Semua item ini perlu dijawab menggunakan skala Likert 5 mata di mana skornya adalah antara 1 (tidak terpakai sama sekali) hingga 5 (terpakai sepenuhnya). Item 1, 2, 7, dan 8 adalah pernyataan yang positif, manakala item 3, 4, 5 dan 6 mesti dikodkan semula supaya ia mencerminkan konstruk kurang perancangan dan kurang ketekunan. Nilai Alfa Cronbach bagi alat ujian ini adalah 0.78. Alat ujian ini juga mencadangkan bahawa tingkah laku impulsif yang diukur boleh memberi kesan buruk kepada seseorang individu. Sebagai contoh, individu yang mendapat skor tinggi dalam keempat-empat aspek ini lebih cenderung terlibat dalam tingkah laku maladaptif dan berisiko seperti perjudian (Groskurth et al. 2022). Antara contoh item dalam soal selidik ini ialah “Kadang-kadang saya buat sesuatu untuk menceriaikan diri tetapi kemudian menyesal”.

Manakala pada bahagian B alat ujian *Measures of Criminal Attitudes and Associates (MCAA)* yang dibangunkan oleh Miles, Kroner & Hemmati (2004) digunakan untuk mengukur sikap jenayah banduan. Soal selidik ini terdiri daripada 46 item yang dibahagikan kepada empat skala iaitu keganasan (12 item), kelayakan (12 item), niat anti-sosial (12 item) dan bersekutu (10 item). Namun begitu, artikel ini hanya menggunakan dan membincangkan mengenai skala sikap terhadap keganasan. Jumlah skor skala keganasan yang lebih tinggi menunjukkan pengesahan sikap yang menyokong keganasan. Skala ini berkaitan dengan toleransi kepada keganasan di mana individu cenderung untuk menggunakan kekerasan dalam mencapai matlamat yang diinginkan. Sikap yang selalu digunakan oleh mereka dalam interaksi sosial adalah bersifat keganasan. Antara contoh soalan adalah seperti “seseorang yang membuatkan anda marah memang sepatutnya dipukul” dan “Tidak salah untuk memukul seseorang yang menghina anda”. Semua item perlu dijawab melalui pilihan dikotomi sama ada setuju atau tidak bersetuju. Nilai Alfa Cronbach bagi alat ujian ini adalah 0.81.

Seterusnya, bahagian C mengandungi alat ujian *Self Control Scale Malay Version (SCS-M)* yang mempunyai 18 item bagi mengukur kawalan sendiri banduan (Kamaluddin, Md Shariff & Saat 2013). Ia melibatkan enam dimensi iaitu impulsif, tugas mudah, mengambil risiko, aktiviti fizikal, mementingkan diri sendiri, dan *temper*. Kesemua item diukur dengan skala Likert 5 mata antara 1 (tidak suka sama sekali saya) hingga 5 (sepenuhnya seperti saya). Nilai Alfa Cronbach bagi alat ujian ini adalah 0.73. Kawalan sendiri dipersepsikan sebagai elemen yang penting dalam memahami tingkah laku jenayah serta kesalahan juvenil. Bahagian ini mengandungi soalan seperti

“Apabila saya marah, orang lain tidak boleh mendekati saya” dan “Jika saya melakukan sesuatu perkara yang membuatkan orang marah, itu masalah mereka, bukan masalah saya”.

PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Sebelum proses pengumpulan data dapat dijalankan, pengkaji telah mendapatkan kelulusan menjalankan kajian daripada pihak Jabatan Penjara Malaysia dan Jawatankuasa Etika Penyelidikan UKM (JEP-2-21-706). Kedua-dua surat kelulusan telah dibawa ke Pejabat Parol di Lembah Klang untuk mendapatkan kerjasama pegawai parol daerah bagi mengenalpasti bekas banduan yang berada dalam masyarakat. Kemudian pengkaji memberikan borang persetujuan termaklum kepada semua responden yang terpilih dan mereka menyatakan persetujuan dalam borang sebelum menyertai kajian ini. Responden juga diterangkan mengenai hak mereka untuk menarik diri daripada kajian sekiranya tidak mahu terlibat. Purata jangka masa bagi setiap responden untuk melengkapkan borang soal selidik ialah selama 40 minit dan pengkaji berada bersama-sama responden bagi menjawab soal selidik yang diedarkan. Setiap responden juga telah dimaklumkan bahawa semua data yang dikumpulkan adalah dirahsiakan dan identiti sebenar mereka tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran responden. Semua data responden disimpan didalam peti besi bagi menjamin keselamatan data, hanya ketua penyelidik yang membuat kunci akses kepada peti besi tersebut. Sepanjang kajian berlangsung, kebajikan responden dijaga dengan baik oleh pengkaji dari kesemua aspek terutamanya emosi responden.

ANALISIS DATA

Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27 yang melibatkan dua jenis analisis iaitu deskriptif dan inferensi. Bahagian pertama adalah analisis deskriptif yang dijalankan bagi mengenalpasti frekuensi dan peratusan latar belakang demografi bekas banduan. Manakala bahagian kedua melibatkan analisis inferensi yang dibuat menggunakan Pekali Korelasi Pearson (r) bagi menilai hubungan antara tingkah laku impulsif, keganasan dan kawalan sendiri dalam kalangan bekas banduan. Analisis ini dilakukan bagi menjawab objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini.

HASIL KAJIAN

PROFIL DEMOGRAFI

Jadual 1 menunjukkan majoriti bekas banduan yang terlibat dalam kajian ini adalah lelaki iaitu sebanyak 81.6 peratus dan hanya 18.4 peratus bekas banduan perempuan. Jika diteliti dari segi umur menunjukkan kebanyakan daripada mereka berumur 30 tahun ke atas, diikuti oleh responden yang berumur 21 hingga 25 tahun (16%) dan terdapat juga sebanyak 8.8 peratus yang berumur 20 tahun ke bawah. Hanya 4.8 peratus responden yang berumur antara 26 hingga 30 tahun yang terlibat. Berdasarkan status perkahwinan pula menunjukkan 63.2 peratus bekas banduan telah berkahwin dan sebanyak 23.2 peratus memaklumkan bahawa mereka sudah bercerai serta 13.6 peratus adalah berstatus bujang semasa kajian dijalankan. Dari aspek kesalahan yang dilakukan sehingga mereka dihukum penjara menunjukkan separuh daripada mereka terlibat dengan dadah, manakala sebanyak 21.6 peratus terlibat dengan kecurian dan hanya 0.4 peratus bekas banduan dipenjarakan akibat aktiviti keganasan yang dilakukan. Seterusnya, jika dilihat dari aspek tempoh

hukuman penjara, kajian mendapati hampir separuh daripada mereka pernah berada di penjara selama 5 tahun dan ke bawah, diikuti dengan mereka yang menerima hukuman 5 hingga 10 tahun dan hanya 12.8 peratus sahaja yang telah menerima hukuman melebihi 10 tahun.

JADUAL 1. Profil Demografi

Profil	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	204	81.6
Perempuan	46	18.4
Umur		
18-20	22	8.8
21-25	40	16.0
26-30	12	4.8
31-35	87	34.8
36-40	89	35.6
Status Perkahwinan		
Berkahwin	158	63.2
Bujang	34	13.6
Berceraai	58	23.2
Jenis Kesalahan		
Dadah	79	31.6
Dadah dengan jenayah	62	24.8
Kecurian harta benda	54	21.6
Keganasan	1	0.4
Lain-lain	54	21.6
Tempoh Hukuman Penjara		
Kurang 5 Tahun	123	49.2
5 hingga 10 tahun	95	38.0
11 hingga 15 tahun	32	12.8

N = 250

SKOR TINGKAH LAKU IMPULSIF

Jadual 2 menunjukkan skor min bagi tingkah laku impulsif bekas banduan yang terlibat dalam kajian ini. Tingkah laku impulsif yang diukur mempunyai empat sub-dimensi iaitu kesegeraan (*urgency*), kurang pra-meditasi (*lack of premeditation*), kurang ketabahan (*lack of preverance*) dan mencari sensasi (*sensation seeking*). Skor min yang tinggi menunjukkan tingkah laku impulsif yang lebih tinggi. Melalui hasil kajian ini, didapati bahawa sub skala tingkah laku impulsif - kesegeraan mempunyai skor min yang jauh lebih tinggi berbanding sub-dimensi yang lain. Manakala skor bagi komponen kurang pra-meditasi adalah yang paling rendah iaitu 2.98.

JADUAL 2. Skor komponen Tingkah laku Impulsif

Sub-dimensi	Min	Sisihan piawai
Kesegeraan	5.84	1.30
Kurang pra meditasi	2.98	1.17
Kurang ketabahan	3.86	1.99
Mencari sensasi	3.62	1.36

n = 250

SKOR SKALA KAWALAN KENDIRI

Jadual 3 menunjukkan skor min bagi Skala Kawalan Kendiri bekas banduan, di mana skor min sub-skala impulsiviti (*impulsivity*) adalah paling tinggi iaitu ($M=11.65$, $SD=3.00$) dan diikuti dengan sub-skala tugas-tugas mudah (*simple tasks*) iaitu ($M=8.55$, $SD=2.99$), baran (*temper*) ($M=6.90$, $SD=1.59$), mementingkan diri (*self-centered*) ($M=6.14$, $SD=1.56$), mencari risiko (*risk seeking*) ($M=4.91$, $SD=1.41$) dan akhir sekali sub-skala aktiviti fizikal (*physical activities*) ($M=4.89$, $SD=1.16$).

JADUAL 3. Skor Skala Kawalan Kendiri

Sub-skala	Min	Sisihan piawai
Impulsiviti	11.65	3.00
Tugas-tugas mudah	8.55	2.99
Mencari risiko	4.91	1.41
Aktiviti fizikal	4.89	1.16
Mementingkan diri	6.14	1.56
Baran	6.90	1.59

$n = 250$

SKOR TINGKAH LAKU KEGANASAN

Skala tingkah laku keganasan merupakan salah satu sub-skala dalam alat ujian *Measures of Criminal Attitudes and Associates* (MCAA). Berdasarkan jadual 4, didapati skor min bagi sub-skala keganasan (*violence*) adalah ($M=20.94$, $SD=7.22$) dan merupakan skor min paling rendah jika dibandingkan dengan sub-skala kelayakan (*entitlement*) ($M=27.25$, $SD=5.03$), diikuti sub-skala niat anti-sosial (*antisocial intent*) ($M=25.81$, $SD=4.73$) dan bersekutu (*associates*) ($M=23.32$, $SD=4.90$).

JADUAL 4. Skor sub-skala *Measures of Criminal Attitudes and Associates* (MCAA)

Sub-skala	Min	Sisihan piawai
Keganasan	20.94	7.22
Kelayakan	27.25	5.03
Niat anti-sosial	25.81	4.73
Bersekutu	23.32	4.90

$n = 250$

HUBUNGAN DI ANTARA TINGKAH LAKU IMPULSIF, KAWALAN KENDIRI DAN TINGKAH LAKU KEGANASAN

Berdasarkan ujian pekali korelasi Pearson, Jadual 5 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara ketiga-tiga pemboleh ubah yang dikaji. Keputusan analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan ($r=0.358$, $p<0.01$) antara tingkah laku keganasan dengan tingkah laku impulsif. Kawalan sendiri bekas banduan juga menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan tingkah laku keganasan ($r=0.168$, $p<0.01$). Selain itu, terdapat juga hubungan positif yang signifikan di antara tingkah laku impulsif dengan kawalan sendiri ($r=0.358$, $p<0.01$) dalam kalangan bekas banduan yang terlibat dalam kajian ini.

JADUAL 5. Hubungan korelasi antara tingkah laku impulsif, kawalan sendiri dan keganasan bekas banduan

		Tingkah Laku Keganasan	Tingkah Laku Impulsif	Kawalan Kendiri
Tingkah Laku Keganasan	Korelasi Pearson	1	.358**	.168**
	Sig. (2-tailed)		<.001	<.001
	N	250	250	250
Tingkah Laku Impulsif	Korelasi Pearson	.358**	1	.412**
	Sig. (2-tailed)	<.001		<.001
	N	250	250	250
Kawalan Kendiri	Korelasi Pearson	.168**	.412**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	<.001	
	N	250	250	250

** *Nilai yang signifikan pada $p < 0.001$*

PERBINCANGAN

Berdasarkan profil bekas banduan, didapati majoriti bekas banduan adalah lelaki dan ini selaras dengan kajian-kajian lepas tentang dominasi lelaki dalam jenayah berbanding wanita. Hasil kajian ini selari dengan kajian oleh Jasni et al. (2018) yang menyatakan bahawa gender, tekanan sosial dan kecenderungan biologi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku jenayah dalam kalangan lelaki. Tidak hairan jika lelaki mempunyai risiko lebih tinggi untuk terlibat dalam tingkah laku jenayah. Jika dilihat dari aspek umur pula menunjukkan bahawa jenayah lebih sering dilakukan oleh golongan dewasa yang berumur 30 tahun ke atas. Ini disebabkan oleh faktor-faktor seperti kematangan, tekanan hidup, dan tanggungjawab ekonomi turut mempengaruhi golongan pertengahan umur untuk terlibat dalam jenayah. Kajian ini juga mencadangkan bahawa program pencegahan jenayah harus lebih difokuskan pada golongan muda untuk mengurangkan kadar jenayah dalam kalangan mereka. Selain itu, status perkahwinan dan sokongan sosial dilihat penting dalam kajian ini. Ini kerana perkahwinan sering dikaitkan dengan sokongan sosial yang lebih baik, manakala perceraian boleh menjadi faktor risiko bagi tingkah laku jenayah kerana kehilangan sokongan sosial, emosi dan ekonomi (Nik, Khadijah & Norisma 2023).

Di samping itu, jenis kesalahan turut menunjukkan separuh daripada bekas banduan terlibat dalam kesalahan berkaitan dadah, manakala 21.6% terlibat dengan kecurian dan hanya 0.4% terlibat dalam aktiviti keganasan. Ini menunjukkan bahawa masalah dadah adalah isu jenayah utama sehingga membawa kepada hukuman penjara. Penggunaan dadah sering dikaitkan dengan tingkah laku impulsif dan kawalan sendiri yang rendah malah ianya boleh membawa kepada keterlibatan pelbagai jenis jenayah (Nazira Sadiron et al. 2023). Justeru itu, perlunya pendekatan holistik dalam menangani masalah dadah, termasuk pencegahan, rawatan dan sokongan pemulihan. Tambahan lagi, hampir separuh daripada bekas banduan pernah berada di penjara selama lima tahun atau kurang, ini menunjukkan bahawa banyak kesalahan adalah berskala kecil atau sederhana. Hanya 12.8% menerima hukuman penjara melebihi 10 tahun. Situasi ini mencerminkan bahawa sistem keadilan kriminal menilai hukuman penjara berdasarkan berat kesalahan dan kebanyakan kesalahan tidak memerlukan hukuman penjara yang panjang. Walau bagaimanapun, penjara didapati memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada tingkah laku bekas banduan, pengintegrasian semula dan kadar pengulangan jenayah adalah penting di beri perhatian serius (Sathoo et al. 2021).

Kajian ini menganalisis tingkah laku impulsif, kawalan sendiri dan kecenderungan keganasan dalam kalangan bekas banduan dengan mengukur pelbagai dimensi yang relevan. Hasil kajian menunjukkan bahawa sub-dimensi kesegeraan (*urgency*) dalam tingkah laku impulsif mempunyai skor min yang paling tinggi, ini menandakan bahawa bekas banduan cenderung bertindak dengan kesegeraan tanpa memikirkan akibatnya. Sub-dimensi lain seperti kurang pra-meditasi, kurang ketabahan dan mencari sensasi menunjukkan skor min yang lebih rendah, ini mencadangkan bahawa walaupun terdapat perilaku impulsif, bekas banduan masih mempertimbangkan tindakan mereka dalam beberapa konteks.

Bagi skala kawalan sendiri pula menunjukkan bahawa sub-skala impulsiviti mempunyai skor min yang tertinggi, ini menunjukkan bahawa bekas banduan mempunyai tahap impulsiviti yang tinggi. Sub-skala lain seperti tugas-tugas mudah, baran, mementingkan diri, mencari risiko dan aktiviti fizikal menunjukkan skor min yang lebih rendah, ini mencerminkan bahawa walaupun bekas banduan mempunyai kecenderungan untuk impulsiviti, mereka kurang menunjukkan perilaku mencari risiko atau baran yang melampau. Hubungan antara tingkah laku impulsif yang tinggi dan kawalan sendiri yang rendah menunjukkan bahawa bekas banduan mungkin kurang mampu mengendalikan dorongan mereka. Selain itu, skor min bagi sub-skala keganasan merupakan skor min paling rendah berbanding sub-skala lain seperti kelayakan, niat anti-sosial dan bersekutu. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa kecenderungan terhadap keganasan, bekas banduan dalam kajian ini mungkin lebih cenderung menunjukkan sifat kelayakan atau niat anti-sosial tidak semestinya terlibat dalam aktiviti keganasan. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Kamaluddin, Md Shariff & Saat (2013) yang menunjukkan bahawa banduan mempunyai kecenderungan terlibat jenayah lebih tinggi bagi mendapatkan kelayakan dan berkait rapat dengan sikap anti-sosial mereka. Walaupun terdapat kecenderungan impulsif dan kawalan sendiri yang rendah, skor min yang rendah bagi sub-skala keganasan mencadangkan bahawa faktor-faktor lain seperti sokongan sosial atau pengalaman penjara mungkin mempengaruhi kecenderungan terhadap tingkah laku keganasan.

Berdasarkan ujian pekali korelasi Pearson, hasil kajian menunjukkan hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga pemboleh ubah yang dikaji iaitu tingkah laku keganasan, tingkah laku impulsif dan kawalan sendiri dalam kalangan bekas banduan. Kajian ini berjaya membuktikan wujudnya hubungan antara tingkah laku keganasan dan tingkah laku impulsif dalam kalangan bekas banduan. Ini bermakna seseorang bekas banduan yang menunjukkan tingkah laku impulsif yang semakin tinggi mempunyai kecenderungan untuk terlibat dalam tingkah laku keganasan. Ini selari dengan teori kawalan sendiri terhadap jenayah yang menyatakan bahawa individu yang bertindak impulsif cenderung membuat keputusan tanpa berfikir panjang yang boleh menyebabkan tindakan ganas dalam situasi tekanan atau konflik (Billore, Anisimova & Vrontis 2023). Selain itu, hasil kajian turut membuktikan wujudnya hubungan antara kawalan sendiri dan tingkah laku keganasan bekas banduan. Walaupun korelasi ini rendah, ia masih menunjukkan bahawa kawalan sendiri yang rendah berkaitan dengan peningkatan tingkah laku keganasan. Kawalan sendiri secara tidak formal boleh mengawal dorongan agresif banduan dan sekaligus dapat mengelakkan mereka terlibat dalam keganasan (Jasni, Hassan & Ibrahim 2023).

Tambahan lagi, hasil kajian juga mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara tingkah laku impulsif dan kawalan sendiri dalam kalangan bekas banduan. Ini menunjukkan bahawa individu yang mempunyai kawalan sendiri yang rendah cenderung menunjukkan tingkah laku impulsif yang tinggi dan ianya selari dengan kajian lepas (Wendel, Rocque & Posick 2022). Hasil kajian ini memberikan bukti empirikal tentang wujudnya hubungan antara impulsiviti, kawalan sendiri dan tingkah laku keganasan dalam kalangan bekas banduan. Hubungan positif

yang signifikan antara tingkah laku impulsif dan keganasan menunjukkan bahawa program pemulihan yang menekankan pengurusan impulsiviti dapat membantu mengurangkan risiko keganasan dalam kalangan bekas banduan. Begitu juga, hubungan antara kawalan sendiri dan keganasan menekankan kepentingan latihan kemahiran kawalan sendiri sebagai sebahagian daripada intervensi pemulihan. Latihan dalam pengurusan kemarahan, penyelesaian konflik dan teknik relaksasi boleh membantu bekas banduan meningkatkan kawalan sendiri mereka dan mengurangkan kecenderungan mereka untuk bertindak ganas. Secara keseluruhan, hasil kajian ini menunjukkan bahawa tingkah laku impulsif dan kawalan sendiri adalah faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku keganasan dalam kalangan bekas banduan di Malaysia. Intervensi yang berfokus bagi meningkatkan kawalan sendiri dan mengurangkan impulsiviti berpotensi memberikan impak yang positif dalam mengurangkan kadar keganasan, residivisme dan menyokong proses pengintegrasian semula bekas banduan.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini memberikan bukti empirikal tentang wujudnya hubungan yang signifikan di antara tingkah laku impulsif, kawalan sendiri dan tingkah laku keganasan dalam kalangan bekas banduan. Hubungan signifikan yang positif di antara tingkah laku impulsif, kawalan sendiri dan tingkah laku keganasan memberi panduan kepada pengamal praktis keadilan kriminal dan ahli profesion menolong bagi memastikan kesemua aspek ini diambil kira dalam proses pengintegrasian semula bekas banduan. Namun demikian, analisis hubungan ini perlu dikaji secara lebih mendalam lagi untuk melihat pengaruh profil demografi seperti sejarah penyalahgunaan dadah dengan tingkah laku jenayah. Ianya perlu diteroka secara empirikal untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan di antara bekas banduan yang mempunyai sejarah dadah dengan yang tidak mempunyai sejarah dadah dengan tingkah laku impulsif, kawalan sendiri dan tingkah laku keganasan. Pemahaman tentang latar belakang demografi bekas banduan juga perlu dititikberatkan bagi memastikan keberkesanan program pengintegrasian semula bekas banduan dalam masyarakat. Manakala, hasil kajian yang membuktikan wujud hubungan positif yang signifikan di antara kawalan sendiri dengan tingkah laku impulsif dan keganasan menunjukkan betapa pentingnya untuk membangunkan latihan kemahiran kawalan sendiri kepada bekas banduan. Kemahiran kawalan sendiri bekas banduan ini dapat ditingkatkan melalui latihan pengurusan kemarahan, penyelesaian masalah, asertif, resolusi konflik, modifikasi tingkah laku dan teknik relaksasi yang berkesan.

Secara keseluruhan, tingkah laku impulsif dan kawalan sendiri adalah faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku keganasan dalam kalangan bekas banduan di Malaysia. Kajian ini memberi implikasi penting kepada pengamal psikologi koreksional dalam memberi perkhidmatan kaunseling, kesihatan mental dan sokongan psikososial. Pengamal psikologi koreksional digalakkan untuk merangka modul pengintegrasian semula bekas banduan dengan memfokuskan kepada aspek kawalan sendiri, pengawalan tingkah laku impulsif dan pencegahan tingkah laku keganasan semasa dan selepas hukuman penjara. Selain itu, program intervensi dan terapi yang spesifik perlu dilaksanakan secara berintegrasi di antara kaunselor, psikologis, pekerja sosial dan pekerja komuniti secara menyeluruh dan inklusif merangkumi modul perubahan tingkah laku impulsif, kawalan sendiri dan tingkah laku keganasan kepada bekas banduan. Dengan mengambil perhatian kepada ketiga-tiga pemboleh ubah dalam kajian ini, pihak pengurusan penjara boleh membangunkan lebih banyak lagi program-program susulan dalam pengintegrasian semula

kepada bekas banduan yang baru dibebaskan agar kadar residivisme dapat dikurangkan dan bekas banduan dapat diterima semula oleh masyarakat tanpa stigma, diskriminasi dan prejudis. Pelaksanaan program pengintegrasian semula bekas banduan ini perlu dilakukan dalam kadar yang segera selepas mereka dibebaskan dan dikawal selia secara berperingkat oleh pekerja sosial komuniti bagi membantu dan menyokong proses adaptasi dan pemandirian mereka bersama masyarakat setempat. Bagi kajian akan datang adalah dicadangkan untuk meneroka isu bekas banduan yang melibatkan faktor personal dan faktor persekitaran secara lebih mendalam dengan mengambil kira kaedah kajian campuran iaitu melibatkan kuantitatif dan kualitatif. Faktor gender dan latar belakang sosioekonomi boleh menjadi skop analisis bagi kajian akan datang terhadap bekas banduan. Hal ini boleh meningkatkan keberkesanan program pengintegrasian semula bekas banduan ke dalam masyarakat.

PENGHARGAAN

Kajian ini mendapat tajaan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) kod penyelidikan: FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/11. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Jabatan Penjara Malaysia dan semua yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Alford, M., O'Rourke, S., Doyle, P. & Todd, L. 2020. Examining the factors associated with impulsivity in forensic populations: A systematic review. *Aggression and Violent Behavior* 54: 101409. <https://doi.org/10.1016/j.avb.2020.101409> Retrieved on: 14 June 2024.
- Arends, R., Nelwan, E., Soediro, R., Crevel, R., Alisjahbana, B., Pohan, H. & Schellekens, A. 2018. Associations between impulsivity, risk behavior and HIV, HBV, HCV and syphilis seroprevalence among female prisoners in Indonesia: A cross-sectional study. *PLoS ONE* 14(2): e0207970. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0207970> Retrieved on: 16 June 2024.
- Baias, C. V. 2022. The epidemiology of recurrent violence and its relationship with sentence time in the Romanian juvenile prison system: A two-year cohort study. *Open Journal of Epidemiology* 12(01): 12–30. <https://doi.org/10.4236/ojepi.2022.121002> Retrieved on: 10 June 2024.
- Billore, S., Anisimova, T. & Vrontis, D. 2023. Self-regulation and goal-directed behavior: A systematic literature review, public policy recommendations, and research agenda. *Journal of Business Research* 156:1-19. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2022.113435> Retrieved on: 04 June 2024.
- Felthous, A., Weaver, D., Evans, R., Braik, S., Stanford, M., Johnson, R. & Barratt, E. 2009. Assessment of impulsive aggression in patients with severe mental disorders and demonstrated violence: Inter-rater reliability of rating instrument. *Journal of Forensic Sciences* 54(6): 1470-1474. <https://doi.org/10.1111/j.1556-4029.2009.01177.x> Retrieved on: 16 June 2024.

- Frigout, J., Degrenne, O. & Delafontaine, A. 2020. The level of aggressiveness during karate practice of inmates in correctional settings. *Frontiers in Psychology* 11: 567668. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.567668> Retrieved on: 04 June 2024.
- Gay, L. R., Mills, E. G., & Airasian, P. 2009. *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. New York: Pearson International Edition.
- Gottfredson, M. R., & Hirschi, T. 2020. *Modern Control Theory and the Limits of Criminal Justice*. New York: Oxford University Press.
- Groskurth, K., Nießen, D., Rammstedt, B. & Lechner, C. M. 2022. The impulsive behavior short scale–8 (I-8): A comprehensive validation of the English-language adaptation. *PLoS ONE* 17(9): e0273801. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0273801> Retrieved on: 10 June 2024.
- Hirschi, T. & Gottfredson, M. (1983). Age and the explanation of crime. *American Journal of Sociology* 89(3): 552–584. <https://doi.org/10.1086/227905> Retrieved on: 03 October 2024.
- Jang, E. 2019. The relation between temperament and anger response among prisoners: comparison of reinforcement sensitivity theory and the psychobiological model of temperament and character. *Heliyon* 5(7): e02103. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2019.e02103> Retrieved on: 4 June 2024.
- Jasni, M. A., Hassan, N., & Ibrahim, F. 2023. Exploring the concept of “desistance” and age graded theory of informal social control by Sampson and Laub. *Akademika* 93(02): 51-64. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9302-05> Retrieved on: 4 June 2024.
- Jasni, M. A., Abu Bakar Ah, S. H, Mohd Yusoff, J. Z, Md. Shahid, K., Omar, N. & Azman, Z. 2018. Pendiskriminasian dan stigma masyarakat ke atas bekas banduan di Malaysia. *International Journal of Social Policy and Society* 14: 73-86.
- Kamaluddin, M. R., Md Shariff, N. & Saat, G. 2013. A unidimensional scale for self-control within Malaysian settings. *Education in Medicine Journal* 5(4): 60-66. <http://dx.doi.org/10.5959/eimj.v5i4.184> Retrieved on: 14 June 2024.
- Lyons, T. & Cantrell, W. 2015. Prison meditation movements and mass incarceration. *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology* 60(12): 1363-1375. <https://doi.org/10.1177/00306624X15583807> Retrieved on: 08 June 2024.
- Martin, S., Zabala, C., Del-Monte, J., Graziani, P., Aizpura, E., Barry, T. & Ricarte, J. 2019. Examining the relationships between impulsivity, aggression, and recidivism for prisoners with antisocial personality disorder. *Journal of Agression and Violent Behaviour* 49(1):1-8. <https://doi.org/10.1016/j.avb.2019.07.009> Retrieved on: 18 June 2024.
- Mills, J., Kroner, D. & Hemmati, T. 2004. The measures of criminal attitudes and associates (MCAA): The Prediction of general and violent recidivism. *Criminal Justice and Behavior* 31: 717-733. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1177/0093854804268755> Retrieved on: 18 June 2024.
- Nazira Sadiron, Mohammad Rahim Kamaluddin, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Norruzeyati Che Mohd Nasir & Rozainee Khairudin. 2023. Faktor psikologi dan keparahan penagihan dadah dalam kalangan penagih dadah di Semenanjung Malaysia. *Akademika* 93(02): 3-16. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9302-01> Retrieved on: 08 June 2024.
- Neuman, W. L. 2015. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. 7th Edition. New Delhi: Pearson Education.
- Nik Nur Aliaa Athirah, M. F., Khadijah, A. & Norisma Aiza, I. 2023. Meneroka beban penjagaan dan kesejahteraan dalam kalangan penjaga warga emas terlantar. *Akademika* 93(03): 169-180. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9303-13> Retrieved on: 28 June 2024.

- Peckham, A. D. & Johnson, S. L. 2018. Cognitive control training for emotion-related impulsivity. *Behaviour Research and Therapy* 105: 17–26. <https://doi.org/10.1016%2Fj.brat.2018.03.009> Retrieved on: 01 June 2024.
- Sathoo, K., Ibrahim, F., Wan Sulaiman, W. S. & Mohamad, M. S. 2021. Social Support for optimal reintegration of Malaysian parolees into community. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(3): 431-443. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i3/8957> Retrieved on: 10 June 2024.
- Tharshini, N. K., Fauziah, I., Mohamad, M. S. & Zakaria, E. 2018. Tahap konsep sendiri, kesedaran komuniti, sokongan sosial dan pengintegrasian sosial bagi pesalah muda di Malaysia. *Akademika* 88(3): 91-100. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8803-08> Retrieved on: 11 June 2024.
- Thomas, F., Nathan, D. & Finkel, E. 2012. Self-control and aggression. *Sage Journals* 21(1): 20-25. <http://dx.doi.org/10.1177/0963721411429451> Retrieved on: 12 June 2024.
- Wendel, B. E., Rocque, M. & Posick, C. 2022. Rethinking self-control and crime: Are all forms of impulsivity criminogenic? *European Journal of Criminology* 19(4): 523–541. <https://doi.org/10.1177/1477370820902992> Retrieved on: 22 June 2024.

Mohd Suhaimi Mohamad (Penulis koresponden)
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: msuhaimi@ukm.edu.my

Najwa Afiqa Roshaizad
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: najwaafiq@ukm.edu.my

Mohamad Rahim Kamaluddin
Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: rahimk@ukm.edu.my